

Kidex bukan lebuh raya terbaik untuk rakyat, kata Anwar
Malaysian Insider
July 16, 2014
OLEH JAMILAH KAMARUDIN

Ketua pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim buat pertama kali memecah kebisuannya terhadap isu Lebuh Raya Kinrara-Damansara (Kidex) apabila mengatakan pembinaan itu bukan satu-satunya jalan penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah trafik yang dihadapi rakyat.

Anwar sebaliknya berkata, pihaknya bimbang apabila projek Kidex yang dibolot oleh syarikat kroni dan peguam yang terpilih tidak dilaksanakan secara telus walaupun ada bantahan luar biasa di kalangan rakyat.

"Kidex dianggap penting oleh pusat dan negeri namun yang kita bicara adalah keperluan pengangkutan awam yang perlu diutamakan.

"Kita tidak boleh lari dari kenyataan bahawa projek pembangunan yang dikatakan faedah untuk rakyat mesti mendapat reaksi rakyat terlebih dahulu," katanya dalam wacana memartabatkan ekonomi ummah di kediaman rasmi menteri besar di Shah Alam hari ini.

Anwar berkata, menjadi satu kesalahan moral bagi kerajaan (pusat dan negeri) apabila mereka memilih untuk memekakkan telinga daripada mendengar rintihan rakyat yang tertindas.

Sehubungan itu, Anwar berkata pihaknya akan menetapkan tempoh masa supaya keuntungan melalui syarikat konsesi dapat dipindahkan menjadi hak milik kerajaan sepenuhnya dan sekaligus bayaran tol dapat dihapuskan.

Beliau turut memberi amaran kepada Selangor supaya tidak mengambil hak tanah rakyat untuk membina Kidex secara paksa seperti yang berlaku di Sarawak.

Katanya, rakyat perlu diberikan penerangan sebelum mengikut Akta Pengambilan

Tanah.

"Kegagalan kerajaan menghormati hak tanah adat hanya mengundang konflik dan ketidakadilan seperti yang berlaku di Sarawak," katanya.

Pentadbiran Selangor sebelum ini sering mempertahankan Kidex sebagai projek yang menguntungkan rakyat dan dapat mengurangkan kesesakan trafik di sekitar Lembah Klang.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim juga menegaskan Selangor meluluskan projek Kidex secara berprinsip seperti lima lagi projek lebuh raya lain yang masih dalam pembinaan. – 16 Julai, 2014.

- See more at:
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kidex-bukan-lebuh-raya-terbaik-untuk-rakyat-kata-anwar#sthash.kGjpKwbf.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kidex-bukan-lebuh-raya-terbaik-untuk-rakyat-kata-anwar>